In this case Lindley LJ described the trust which the plaintiff had established as an express trust within the meaning of that expression as explained in *Soar* v *Ashwell*.[5] In *Soar* v *Ashwell*[5] Bowen LJ at p 397 has this to say:

> It is not necessary in the present appeal to discuss the somewhat fluctuating expression that can be discovered in equity authorities on the subject of constructive trusts. One thing seems clear. It has been established beyond doubt by authority binding on this court that a person occupying a fiduciary relation, who has property deposited with him on the strength of such relation, is to be dealt with as an express, and not merely a constructive trustee of such property. His possession of such property is never in virtue of any right of his own, but is coloured from the first by the trust and confidence in virtue he received it. He never can discharge himself except by restoring the property, which he never has held otherwise than upon this confidence: *Chalmer* v *Bradley* [17 Ves 87], *Marquis of Cholmondeley* v *Lord Clinton* [2 Jac & W 1, 190]; and this confidence or trust imposes on him the liability of an express of direct trustee.

In that case there was no specific trust deed. Likewise in the instant case quite clearly a trust has been established as evidenced by the various documents and exhibits produced in the court below and not by a trust deed that the learned judge looked for in the High Court. Applying the principles enunciated in *Soar* v *Ashwell*[5] and *Rochefoucauld* v *Boustead*[4] and *Wan Naimah* v *Wan Mohamad Nawawai*[3] and on the true perspective of the documentary evidence before us, we are satisfied that there is a trust in respect of the land and that the respondent holds lot 148 in trust for the society. We therefore would allow the appeal with costs here and below.

The appellants also sought for an order that the respondent transfer the said land into the names of the appellants. Applying the decision of the Privy Council in the case of *Oh Hiam & Ors* v *Tham Kong*[6] and of *Osman & Anor* v *Mek*[7] and s 417 of the National Land Code 1965 we would grant this order. To ensure the dispute be finally put to rest we think it would be also proper to make an additional order that the respondent do cause the transfer of the land under reference into the names of the trustees of the society within four weeks of the date of this judgment failing which the senior assistant registrar of the High Court Ipoh shall then effect the transfer forthwith. However there will be no order for damages.

Appeal allowed.

Solicitors: *Raj Selva & Co; Mohd Noor & SY Lee.*

Reported by *Prof Ahmad Ibrahim*

Mohd Yusof lwn Pihakberkuasa Yang Mengadakan Mahkamah Tentera TLDM dan Satu Yang Lain

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — USUL PEMULA NO 25-74-89
ABDUL MALEK H
3 JULAI 1990

Angkatan Tentera — Bidang kuasa mahkamah tentera — Bolehkah membicarakan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 — Makna 'kesalahan awam' — Akta Angkatan Tentera 1972, ss 87, 88 & 103(1) — Akta Dadah Berbahaya 1952, s 6 — Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) A426, s 41(1), (2) & (3) — Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) A553, s 41(1) — Akta Mahkamah Rendah 1948, s 85 — Akta Mahkamah Rendah 1948 (Pindaan) A434, s 85 — Kaedah-Kaedah Prosedur Angkatan Tentera (Mahkamah Tentera) 1976, kk 6 & 61(1)

Tafsiran Statut — Pemansuhan statut — Adakah s 88 Akta Angkatan Tentera 1972 dimansuhkan secara implikasi oleh s 41(3) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) A426 yang berkuatkuasa terkemudian — Prinsip bahawa jika sesuatu statut terdahulu dan terkemudian boleh dibacakan secara munasabah supaya kedua-dua boleh berkesan, ianya mesti dilakukan

Pemohon, seorang anggota Tentera Laut DiRaja Malaysia memiliki 0.51g cannabis yang mana melanggar peruntukan s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952. Mahkamah tentera menjatuhkan hukuman empat bulan penjara terhadap pemohon dan dia dibuang kerja dari perkhidmatan Seri Paduka Baginda. Melalui notis usul pemula ini, pemohon meminta dua deklarasi dari Mahkamah Tinggi. Satu daripadanya ialah mahkamah tentera tiada bidang kuasa samada secara statutori, secara sedia ada atau sebaliknya untuk membicarakan tuduhan terhadap seorang anggota Angkatan Tentera bagi kesalahan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca sekali dengan ss 87 dan 88 Akta Angkatan Tentera 1972 sebelum beliau dibicarakan, didapati salah dan disabitkan untuk kesalahan tersebut dalam mahkamah awam. Deklarasi yang kedua ialah bahawa pihakberkuasa yang mengadakan mahkamah tentera telah bertindak secara ultra vires dalam mahkamah tentera terhadap pemohon untuk kesalahan tersebut.

Diputuskan, menolak permohonan pemohon:

(1) Seksyen 88 Akta AngkatanTentera 1972 yang berkuatkuasa pada 1 Jun 1976 memberi bidang kuasa kepada mahkamah tentera untuk membicarakan dan menjatuhkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan awam dan adalah nyata dari seksyen tersebut bahawa kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (selepas ini disebut sebagai 'Akta berkenaan') jatuh di bawah kesalahan-kesalahan awam.

(2) Masalah ialah samada pindaan kepada s 41 Akta berkenaan (A426) yang berkuatkuasa pada 10 Mac 1978 itu bercanggah dengan s 88 Akta Angkatan Tentera 1972 oleh kerana bidang kuasa kesalahan Akta berkenaan diberi kepada mahkamah sesyen atau Mahkamah Tinggi melalui seksyen kecil (1) and (2) s 41, dan seksyen kecil (3) pula memperuntukkan bahawa seksyen kecil (1) and (2) mempunyai kuasa walau ada apa-apa undang-undang bertulis yang sebaliknya, manakala bidang kuasa diberi pula kepada mahkamah tentera melalui s 88 Akta AngkatanTentera itu.

(3) Mahkamah berpendapat bahawa kedua-dua peruntukan tidak bercanggah kerana s 88 Akta Angkatan Tentera tidak

bermakna mahkamah sesyen tidak dibenar mendengar kes-kes di bawah s 6 Akta berkenaan semenjak 1 Jun 1976 oleh kerana sebelum pindaan s 41 Akta berkenaan ini, memang telah diperuntukkan bahawa mahkamah sesyen berkuasa menjatuhkkan hukuman atau penalti yang penuh di bawah Akta berkenaan. Ini hanya bererti mahkamah tentera diberi kuasa membicarakan kesalahan di bawah Akta berkenaan mulai 1 Jun 1976. Perkataan seksyen kecil (3) s 41 Akta berkenaan hanya dapat ditafsirkan sebagai membawa makna bahawa peruntukan ini hendaklah digunakan jika undang-undang bertulis yang lain menyatakan sebaliknya, iaitu mahkamah mejistret yang dikendalikan oleh mejistret kelas pertama, mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi tidak ada bidang kuasa langsung mendengar kesalahan-kesalahan di bawah Akta berkenaan.

(4) Seksyen 41 Akta berkenaan dan s 88 Akta Angkatan Tentera masih berkuatkuasa bersaingan dan tidaklah boleh dikatakan bahawa yang pertama disebut telah memansuhkan yang kedua disebut. Ini bererti mahkamah tentera juga boleh membicarakan kes-kes di bawah Akta berkenaan dan bidang kuasanya tidak terhapus dengan adanya s 41 Akta berkenaan.

[English summary

The applicant, a member of the Royal Malaysian Navy, was found guilty by the military court on the charge of possessing 0.51g of cannabis in contravention of s 6 of the Dangerous Drugs Act 1952. The military court sentenced him to four months' imprisonment and he was sacked from the Royal service. By this notice of originating motion, the applicant seeks two declarations from the High Court. The first is that the military court has no jurisdiction whether statutory, implied or otherwise to try this charge against a member of the armed forces for offences under s 6 of the Dangerous Drugs Act 1952 read together with ss 87 and 88 of the Armed Forces Act 1972 before he has been tried, found guilty and convicted for that offence in the civil court. The second declaration is that the authorities which held the military court had acted ultra vires.

Held, dismissing the application:

(1) Section 88 of the Armed Forces Act 1972 which came into force on 1 June 1976 provided the military court with jurisdiction to try and impose sentence in respect of public offences and it is obvious from the said section that the offences under the Dangerous Drugs Act 1952 (hereafter called the 'said Act') falls within the public offences.

(2) The problem is whether the amendment to s 41 of the said Act (A426) which came into force on 10 March 1978 is in conflict with s 88 of the Armed Forces Act 1972 because the jurisdiction over such offences under the said Act was given to the sessions court or the High Court vide sub-ss (1) and (2) of s 41, and sub-s (3) further provided that sub-ss (1) and (2) shall have effect notwithstanding any other written law to the contrary, whereas jurisdiction is in turn given to the military court vide s 88 of the Armed Forces Act 1972.

(3) The court is of the opinion that both the provisions are not in conflict because s 88 of the Armed Forces Act 1972 did not mean that the sessions court was not allowed to hear cases under s 6 of the said Act with effect from 1 June 1976 because even before the amendment to s 41 of the said Act, it has already been provided that the sessions court has jurisdiction to impose the full sentence or penalty under the said Act. It only means that the military court was given the power to try offences under the said Act with effect from 1 June 1976. The words in sub-s (3) of s 41 of the said Act can only be interpreted to mean this provision has to be used if there is any written law to the contrary, that is, the magistrate's court presided by a first class magistrate, sessions court and High Court have no jurisdiction at all to hear offences under the said Act.

(4) Section 41 of the said Act and s 88 of the Armed Forces Act 1972 are still in force separately and it cannot be said that the first mentioned statute has abolished the second. This means that the military court can also try cases under the said Act and its jurisdiction is not abolished with the existence of s 41 of the said Act.]

Kes rujukan

1 *West Ham Church Wardens and Overseers* v *Fourth City Mutual Building Society* [1982] 1 QB 654 (diikut)

Undang-undang rujukan

Akta Angkatan Tentera 1972 ss 87, 88, 103(1)
Akta Dadah Berbahaya 1952 s 6
Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) A426 ss 41(1), (2), (3)
Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) A553 s 41(1)
Akta Mahkamah Rendah 1948 s 85
Akta Mahkamah Rendah 1948 (Pindaan) A434 s 85
Kaedah-Kaedah Prosedur Angkatan Tentera (Mahkamah Tentera) 1976 kk 6, 61(1)

Jula Singh bagi pihak pemohon.
John O'Hara bagi pihak responden.

Cur Adv Vult

Abdul Malek H: Sipemohon melalui notis usul pemula telah meminta dua deklarasi dari mahkamah. Satu daripadanya ialah bahawa makhamah tentera tiada bidang kuasa samada secara statutori, secara sedia ada atau sebaliknya untuk membicarakan tuduhan terhadap seorang anggota Angkatan Tentera bagi kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (selepas ini 'Akta berkenaan') atau di bawah s 6 Akta berkenaan dibaca sekali dengan ss 87 dan 88 Akta Angkatan Tentera 1972 (selepas ini 'Akta AT') sebelum dahulu dibicarakan dan didapati salah dan disabitkan untuk kesalahan tersebut di dalam mahkamah awam. Deklarasi yang kedua ialah bahawa pihakberkuasa yang mengadakan mahkamah tentera telah bertindak secara ultra vires dalam mahkamah tentera terhadap sipemohon untuk kesalahan tersebut.

Dalam afidavit menyokong permohonan tersebut, sipemohon telah menyatakan bahawa beliau seorang anggota Tentera Laut DiRaja Malaysia, bahawa responden pertama tidak berkuasa mengadakan mahkamah tentera terhadapnya atas kesalahan yang berkenaan, bahawa responden kedua adalah pegawai atasannya yang telah mempengerusikan mahkamah tentera terhadapnya di Lumut pada 13 dan 14 November 1989 dan bahawa tuduhan terhadap beliau ialah bahawa beliau telah memiliki 0.51g cannabis di Gate Harimau Tiga Pengkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia Lumut pada 28 Oktober 1988 jam 4 pagi yang mana melanggar peruntukan s 6 Akta berkenaan.

Setelah meneliti semua afidavit dan setelah menimbangkan hujah-hujah bertulis dan lisan yang panjang

lebar dari peguam bijaksana bagi pihak sipemohon dan peguam kanan persekutuan yang arif bagi pihak responden-responden, saya berpendapat bahawa ada hanya satu isu yang perlu dipertimbangkan dan ianya ialah samada mahkamah tentera boleh membicarakan kes di bawah Akta berkenaan.

Mengikut sipemohon, Akta AT dan Kaedah-kaedah Prosedur Angkatan Tentera (Mahkamah Tentera) 1978 (selepas ini 'Kaedah-kaedah itu') tidak memberi mahkamah tentera bidang kuasa tersebut. Juga tiada apa-apa kesalahan dadah diperuntukkan di bawah Akta AT. Seterusnya s 41 Akta berkenaan hanya memberi kuasa kepada hakim mahkamah sesyen atau mejisteret kelas pertama untuk membicarakan kes di bawah Akta berkenaan melainkan kesalahan di bawah s 39B Akta berkenaan yang mana bidang kuasanya diberi hanya kepada Mahkamah Tinggi. Tambah pula, seksyen kecil (3) s 41 Akta berkenaan menyatakan seksyen-seksyen kecil (1) and (2) berkuasa walau ada apa-apa pun undang-undang bertulis yang lain sebaliknya.

Sipemohon juga telah menyarankan bahawa seksyen kecil (1) s 103 Akta AT dan kaedah 6 Kaedah-kaedah itu telah membuat peruntukan bahawa mahkamah tentera berkuasa membicarakan seseorang yang tertakluk kepada undang-undang perkhidmatan untuk mana-mana kesalahan yang di bawah Akta AT boleh dibicarakan melalui mahkamah tentera dan untuk menjatuhkan apa-apa hukuman di bawah Akta AT tetapi ini tidak termasuk kesalahan-kesalahan dadah. Oleh itu, mahkamah tentera tidak berkuasa membicarakannya dan mendapatkannya bersalah di bawah Akta berkenaan.

Berikutan dari itu, peguam sipemohon telah membuat rayuan bidang kuasa pada 14 November 1989 di bawah kaedah kecil (1) k 61 Kaedah-kaedah itu dan responden kedua setelah mendengar hujah-hujah, telah mengarahkan sipemohon mendapatkan keputusan selanjutnya dari Mahkamah Tinggi. Walau bagaimana pun, pada 22 Februari 1990, mahkamah tentera yang telah diadakan oleh responden pertama dan dipengerusikan oleh responden kedua telah mendapati sipemohon bersalah dan menjatuhkan hukuman empat bulan penjara dan sipemohon dibuang kerja dari perkhidmatan Seri Paduka Baginda tanpa menunggu keputusan Mahkamah Tinggi dalam perkara bidang kuasa.

Pada hemat saya, kesemua autoriti yang telah dikemukakan tidak dapat menjawab soalan yang telah dibangkitkan dalam permohonan ini. Mahkamah hanya perlu menumpu perhatiannya kepada s 88 Akta AT di mana seksyen kecil (1) berbunyi: 'Tiap-tiap orang yang tertakluk kepada undang-undang perkhidmatan dibawah Akta ini yang melakukan sesuatu kesalahan awam sama ada dalam Persekutuan atau di tempat lain adalah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen ini' dan sebahagian seksyen kecil (2) menyatakan 'Dalam Akta ini perbahasaan 'kesalahan awam' ertinya apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang boleh dihukum mengikut undang-undang Persekutuan atau yang, jika dilakukan dalam Persekutuan, boleh dihukum mengikut undang-undang itu...' Dari kedua petikan ini, nyatalah kesalahan-kesalahan di bawah Akta berkenaan jatuh di bawah kesalahan-kesalahan awam. Bidang kuasa mahkamah tentera membicarakan dan menjatuhkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan awam terdapat di seksyen kecil (3) khususnya di perenggan (e) yang berbunyi 'dalam mana-mana hal lain, dikenakan apa-apa hukuman yang boleh dijatuhkan oleh sesuatu mahkamah awam bagi kesalahan awam yang bersamaan, iaitu sesuatu atau beberapa hukuman yang diperuntukkan oleh Akta ini, atau sesuatu hukuman yang lebih ringan daripada hukuman maksima yang boleh dijatuhkan oleh sesuatu mahkamah awam, sebagaimana yang diperuntukkan sedemikian...'.

Peruntukan-peruntukan ini telah berkuatkuasa pada 1 Jun 1976. Pada 10 Mac 1978 pula, pindaan s 41 Akta berkenaan (Akta A426) telah mula berkuatkuasa. Seksyen kecil (1) menyatakan bahawa mahkamah sesyen mempunyai bidang kuasa membicarakan kesemua kesalahah di bawah Akta berkenaan dan untuk menjatuhkan hukuman atau penalti yang penuh melainkan penalti mati. Seksyen kecil (2) pula menyarankan bahawa walau apa pun yang terkandung di seksyen kecil (1), Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa membicarakan mana-mana kesalahan di bawah Akta berkenaan jika pendakwa raya meminta kes tersebut didengar di Mahkamah Tinggi.

Yang menjadi persoalan ialah seksyen kecil (3) yang berbunyi bahawa peruntukan-peruntukan seksyen-seksyen kecil (1) dan (2) mempunyai kuasa walau ada apa-apa pun undang-undang bertulis yang lain sebaliknya. Masalahnya ialah samada s 41 Akta berkenaan bercanggah dengan s 88 Akta AT oleh kerana bidang kuasa kesalahan-kesalahan Akta berkenaan diberi kepada mahkamah sesyen atau Mahkamah Tinggi di bawah Akta berkenaan dan kepada mahkamah tentera di bawah Akta AT.

Pada pendapat saya, kedua-dua peruntukan ini tidak bercanggah kerana s 88 Akta AT yang telah mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1976 tidak bermakna mahkamah sesyen tidak dibenar mendengar kes-kes di bawah s 6 Akta berkenaan seperti dalam permohonan ini semenjak tarikh itu oleh kerana sebelum pindaan s 41 Akta berkenaan ini, memang telah diperuntukkan bahawa mahkamah sesyen berkuasa menjatuhkan hukuman atau penalti yang penuh di bawah Akta berkenaan. Ini hanya bererti mahkamah tentera diberi kuasa membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Akta berkenaan mulai dari 1 Jun 1976. Namun demikian, kes-kes di bawah s 6 Akta berkenaan pada kebetulannya memang telah didengar di mahkamah megisteret dan bukan di mahkamah sesyen oleh kerana mahkamah mejisteret yang dikendalikan oleh mejisteret

kelas pertama berkuasa mendengar kes-kes tersebut sebab hukuman maksimanya lima tahun penjara dan s 85 Akta Mahkamah Rendah 1948 (selepas ini 'Akta MR') telah menghadkan kuasa mejisteret kelas pertama kepada hukuman lima tahun penjara. Jika majisteret kelas pertama itu berpendapat bahawa kuasanya tidak cukup kerana kesalahan Akta berkenaan di hadapannya memberi kuasa menjatuhkan hukuman lebih dari lima tahun penjara, make beliau bolehlah memindahkan kes tersebut ke mahkamah sesyen. Oleh itu tujuan seksyen kecil (1) s 41 Akta berkenaan yang asal ialah untuk memberi bidang kuasa kepada mahkamah sesyen menjatuhkan hukuman atau penalti penuh dalam kesalahan-kesalahan di bawah s 6 dan mana seksyen-seksyen lain Akta berkenaan di mana hukuman yang dinyatakan lebih tinggi dari hukuman maksima yang boleh diberi oleh mejisteret kelas pertama. Tujuan pindaan Akta A426 hanyalah untuk mengekalkan kuasa mahkamah sesyen menjatuhkan hukuman penuh tetapi pindaan dibuat untuk mengecualikan hukuman mati dan memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi mendengar kes-kes Akta berkenaan jika diminta oleh pendakwa raya. Walau bagaimana pun pengiktirafan penghakiman boleh diberi bahawa sejak Akta berkenaan mula berkuatkuasa, kes-kes di bawah s 6 Akta berkenaan memang telah dibicarakan oleh megisteret kelas pertama sungguh pun ada peruntukan s 41 Akta berkenaan ini yang memberi kuasa hukuman penuh hanya kepada mahkamah sesyen.

Apabila pindaan s 41 Akta berkenaan mula berkuatkuasa pada 10 Mac 1978 (Akta A426), s 85 Akta MR masih seperti dahulu dan kes-kes di bawah s 6 Akta berkenaan masih didengar oleh mejisteret kelas pertama. Seksyen 85 Akta MR telah dipinda melalui Akta A434 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1978 di mana mejisteret kelas pertama diberi kuasa membicarakan dan menjatuhkan hukuman di mana hukuman penjara maksima ialah sepuluh tahun. Ini hanya mengekalkan kedudukan mejisteret kelas pertama membicarakan kes-kes di bawah s 6 Akta berkenaan yang mana hukuman maksima masih lima tahun penjara. Pindaan berbangkit kepada s 41 Akta berkenaan juga telah dibuat melalui Akta A434 bagi meminda seksyen kecil (1) untuk memberi kuasa kepada mahkamah mejisteret yang dikendalikan oleh mejisteret kelas pertama membicarakan dan menjatuhkan hukuman penuh terhad kepada lima tahun penjara bersama dengan mahkamah sesyen yang telah pun diberi kuasa di bawah seksyen tersebut sebelum pindaan itu tetapi yang dikecualikan dari menjatuhkan hukuman mati. Kemudian melalui Akta A553 yang berkuatkuasa mulai daripada 15 April 1983, pindaan dibuat lagi kepada seksyen kecil (1) s 41 Akta berkenaan untuk memasukkan pengecualian terhadap s 39B Akta berkenaan, yang hanya boleh didengar oleh Mahkamah Tinggi, dan mengekalkan kuasa kepada mahkamah sesyen menjatuhkan apa-apa hukuman melainkan hukuman mati dan had hukuman penuh mahkamah mejisteret yang dikendalikan oleh mejisteret kelas pertama kepada lima tahun penjara.

Berdasarkan ini semua, nyatalah bahawa tujuan-tujuan pindaan kepada s 41 Akta berkenaan tertumpu lebih kepada aspek hukuman penuh yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah sesyen atau mahkamah majisteret yang dikendalikan oleh mejisteret kelas pertama yang kedua-duanya bersama Mahkamah Tinggi diberi bidang kuasa membicarakan kes-kes di bawah Akta berkenaan. Ini tidak memberi fahaman bahawa mahkamah tentera tidak dapat membicarakan kes di bawah s 6 Akta berkenaan menurut s 88 Akta AT. Perkataan-perkataan di dalam seksyen kecil (3) s 41 Akta berkenaan yang bermaksud bahawa peruntukan-peruntukan ini berkuatkuasa walau ada apa-apa pun undang-undang bertulis yang lain yang bercanggah dengan peruntukan-peruntukan tersebut hanya dapat ditafsirkan sebagai peruntukan ini hendaklah digunakan jika undang-undang bertulis yang lain menyatakan sebaliknya iaitu mahkamah mejisteret yang dikendalikan oleh mejisteret kelas pertama, mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi tidak ada bidang kuasa langsung mendengar kesalahan-kesalahan di bawah Akta berkenaan. Seksyen 41 Akta berkenaan tidak menyatakan bahawa mahkamah sesyen dan mahkamah mejisteret yang dikendalikan oleh mejisteret kelas pertama sahaja yang mempunyai bidang kuasa sungguh pun benar Mahkamah Tinggi sahajalah yang mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan hukuman mati.

Seksyen 88 Akta AT pula tidaklah terhad kepada kesalahan-kesalahan di bawah Akta berkenaan sahaja tetapi merangkumi kesemua kesalahan-kesalahan awam. Andainya ia terhad hanya kepada kesalahan-kesalahan di bawah Akta berkenaan, ini juga tidak bererti dengan peruntukan seksyen kecil (3) s 41 Akta berkenaan, s 88 Akta AT telah terbatal secara implikasi. Maxwell dalam *Interpretation of Statutes* (Edisi 12) di ms 191 menyatakan:

> A later statute may repeal an earlier one either expressly or by implication. But repeal by implication is not favoured by the courts. 'Forasmuch,' said Coke, 'as Acts of Parliaments are established with such gravity, wisdom and universal consent of the whole realm, for the advancement of the commonwealth, they ought not by any constrained construction out of the general and ambiguous words of a subsequent Act, to be abrogated.' *If, therefore, earlier and later statutes can reasonably be construed in such a way that both can be given effect to, this must be done.* If, as with all modern statutes, the later Act contains a list of earlier enactments which it expressly repeals, an omission of a particular statute from the list will be a strong indication of an intention not to repeal that statute. And when the later Act is worded in purely affirmative language, without any negative expressed or implied, it becomes even less likely that it was intended to repeal the earlier law. (Tekanan telah dibuat oleh saya.)

Dalam *West Ham Church Wardens and Overseers* v *Fourth City Mutual Building Society*[1] pula, mahkamah telah berpendapat bahawa:

The test of whether there has been a repeal by implication by subsequent legislation is this; are the provisions of a later Act so inconsistent with, or repugnant to the provisions of an earlier Act that the two cannot stand together.

Akhir kata, pendapat muktamad saya ialah kedua-dua peruntukan iaitu s 41 Akta berkenaan dan s 88 Akta AT masih berkuatkuasa bersaingan dan tidaklah boleh dikatakan bahawa yang pertama disebut telah memansuhkan yang kedua disebut. Ini bererti mahkamah tentera juga boleh membicarakan kes-kes di bawah Akta berkenaan dan bidang kuasanya berbuat demikian tidaklah terhapus dengan adanya s 41 Akta berkenaan kerana tujuan seksyen tersebut hanyalah semata-mata untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman mati, kepada mahkamah sesyen menjatuhkan hukuman penuh melainkan hukuman mati dan mahkamah mejisteret yang dikendalikan oleh mejisteret kelas pertama menjatuhkan hukuman maksima lima tahun penjara dan bukan untuk menyingkir bidang kuasa mahkamah tentera. Oleh itu, permohonan terpaksalah ditolak dengan kos.

Permohonan ditolak.

Peguamcara: *Paramjit & Co.*

Dilapurkan oleh *Neoh Lay Choo*

Kesatuan Pekerja-Pekerja Kimia Malaya lwn Industrial Oxygen Incorporated (M) Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO R8-32-78-88
EUSOFF CHIN H
7 FEBRUARI 1990

Undang-Undang Pekerjaan — Perjanjian kolektif — Kegagalan responden menguatkuasakan peruntukan dalam perjanjian kolektif — Mahkamah Perusahaan mengarahkan responden mengambil tindakan tatatertib — Samada Mahkamah Perusahaan telah membuat arahan yang terkeluar daripada bidang kuasa yang diberikan kepadanya — Akta Perhubungan Perusahaan 1967, s 56

Undang-Undang Pekerjaan — Mahkamah Perusahaan — Bidang kuasa di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967, s 56 — Akta Perhubungan Perusahaan 1967, s 56

Pihak responden telah menahan kenaikan gaji tahunan seorang pekerjanya tanpa apa-apa sebab. Di bawah perjanjian kolektif yang ditandatangani oleh pemohon dan responden, pekerja-pekerja yang telah bekerja selama sekurang-sekurangnya enam bulan harus diberi kenaikan gaji tahunan setiap tahun. Mahkamah Perusahaan memutuskan bahawa rekod pekerja itu tidak memuaskan, dan mengarahkan bahawa sebelum penahanan gaji tahunan pekerja itu dibuat, responden hendaklah membuat satu siasatan dengan memberi peluang kepada pekerja itu untuk memberi sebab-sebab mengapa penahanan gaji tahunan itu tidak diteruskan. Pemohon meminta perintah certiorari supaya award Mahkamah Perusahaan itu dibatalkan dan perintah mandamus mengarahkan supaya mahkamah itu meneruskan perbicaraan atas tuntutan pemohon untuk menguatkuasakan kehendak fasal 23(b) perjanjian kolektif itu.

Diputuskan, membenarkan permohonan pemohon:

Perintah yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan telah terkeluar daripada bidang kuasa yang diberikan kepada mahkamah itu oleh s 56 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Mahkamah itu telah membuat keputusan bahawa pihak responden telah bersalah apabila mengambil tindakan menahan kenaikan gaji tahunan pekerja yang berkenaan tanpa terlebih dahulu memberi peluang kepada pekerja itu untuk membela diri. Oleh itu, apa yang patut diputuskan oleh Mahakamah Perusahaan ialah untuk mengarahkan responden menguatkuasakan peruntukan fasal 23(b) perjanjian kolektif itu, dan bukannya mengarahkan responden mengambil tindakan tatatertib. Arahan mahkamah itu bercanggah dengan kehendak s 56.

[English summary

The respondent had refused to give an employee his annual increment without citing any reasons. Under the collective agreement between the applicant and the respondent, 'employees with a minimum of six months service shall be granted an annual increment on the first day of January of each year ...'. The Industrial Court had ruled that the employee's work performance was unsatisfactory and that the respondent should have held an inquiry and allowed the employee concerned to state why the decision to refuse him his increment should not be continued, before the respondent took action. The applicant applied for an order of certiorari to quash the award of the Industrial Court and an order of mandamus to direct the Industrial Court to hear the applicant's application that the respondent enforces the provisions of the collective agreement.

Held, allowing the application:

The Industrial Court's order was ultra vires s 56 of the Industrial Relations Act 1967. The court had ruled that the respondent was wrong to have refused the employee his annual increment without giving him the right to be heard. As such, the court should have made an order directing the respondent to comply with the provisions of the collective agreement, instead of ordering that the respondent takes disciplinary action against the employee. The direction is a breach of s 56.]

[*Nota Penyunting*: Rayuan pihak responden telah dibicarakan di Mahkamah Agung (melalui Rayuan Sivil No 02-335-90) pada 11 September 1990. Mahkamah (yang dianggotai oleh Hashim Yeop A Sani HB (Malaya), Harun Hashim dan Mohamed Yusoff HMA) telah menolak rayuan itu.]

Undang-undang rujukan
Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 56

KP Gengadharan bagi pihak pemohon.
SS Lee bagi pihak responden.

Cur Adv Vult

Eusoff Chin H: Perjanjian kolektif ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 24 November 19867, dan fasal 23 dalam perjanjian itu menyatakan:

(a) Employee will be paid in accordance with the salary scale set out in Appendix I to this Agreement.
(b) Employees with a minimum of 6 months service shall be granted an annual increment on the 1st day of January